

20 APR 2001

ISA-Kassim

ISA MASIH RELEVAN KERANA MALAYSIA BELUM SELAMAT DARI ANCAMAN LUAR

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Seorang bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Kassim Ahmad, hari ini berkata ISA masih relevan dan penting untuk menangkis ancaman dalam dan luar negara serta memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan dan mengekalkan keharmonian rakyat.

Katanya Malaysia masih belum selamat daripada ancaman luar malah ada segelintir rakyat yang tidak sedar bahawa mereka telah dipergunakan oleh pihak luar untuk melumpuhkan negara.

"Kita nampak terang-terang empayar Inggeris Amerika ini mengadakan macam-macam komplot untuk menjatuhkan Dr Mahathir (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan kerajaan yang beliau pimpin.

"Ini satu bahaya yang nyata yang dihadapi negara kita dan negara kita boleh mengambil tindakan-tindakan mencegah individu atau kumpulan yang bertindak selaras dengan kepentingan neo-kolonialisme ini," katanya dalam satu wawancara yang disiarkan dalam Berita Perdana TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM), malam ini.

Kassim berkata walaupun ISA digubal untuk membanteras ancaman dan kumpulan subversif manakala senario dalam negara kini berbeza, ia masih lagi relevan untuk negara ini.

Mengenai dakwaan bahawa ISA bercanggah dengan perisytiharan antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kassim berkata perisytiharan itu sebenarnya membenarkan batasan-batasan dikenakan bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar.

"Umpamanya dalam perisytiharan itu Perkara 29 (2) menyebut bahawa dalam menjalankan hak-hak dan kebebasan-kebebasan ini tiap-tiap orang hendaklah dikenakan batasan-batasan yang ditentukan undang-undang," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan ISA mengikut pandangan Islam, Kassim berhujah dengan mengambil contoh peristiwa Nabi Musa dan Nabi Khidir.

"Dalam peristiwa Nabi Musa belajar daripada gurunya, ada disebut dua contoh di mana gurunya itu bertindak untuk menghalang sesuatu kemudaratan yang diketahui terlebih dahulu," katanya.

Kassim yang ditahan di bawah ISA pada awal tahun 1970an menyifatkan penahanannya sebagai satu perkara yang telah berlalu dan menjadi satu pengalaman dalam hidupnya.

Beliau juga merancang untuk menulis buku mengenai pengalamannya itu.

-- BERNAMA

HS HS NAK